

Sastera rakyat dilestrarikan hasil usaha pelajar seni UMS

NET 29.5.2014 C

KOTA KINABALU: Sastera Rakyat atau dikenali juga sebagai Folklore adalah warisan peribumi yang semakin dipinggirkan. Menyedari hakikat tersebut, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil inisiatif dalam melestarikan sastera rakyat sebagai latihan ilmiah mereka melalui penganjuran pameran Projek Akhir Pelajar Penulisan : Adikarya yang berlangsung baru-baru ini di laman bangunan Sekolah Pengajian Seni UMS.

Pameran yang bertujuan untuk memupuk bakat serta merangsang minat pelajar untuk menghargai khazanah warisan leluhur peribumi, menyaksikan 61 karya kreatif pelbagai genre pelajar dipamerkan kepada umum.

Jelas sekali, hasil-hasil karya tersebut berjaya memperlihatkan kematangan pelajar-pelajar seni dalam menterjemahkan ilmu pengetahuan yang dipelajari kepada satu karya kreatif yang diiktiraf masyarakat umum, sekali gus menjadi satu permulaan kepada pelajar dalam mengharungi dunia kerjaya nanti. Antara hasil karya ilmiah sastera rakyat yang diketengahkan adalah seperti teka-teki

sonsongon, cerita mitos dan legenda Kedayan, pantun Kedayan, cerita jenaka Kedayan, dan Nyanyian rakyat Rungus.

Nor'ain Mat Lazim, salah seorang pemerhati seni kreatif berpandangan masih banyak cerita mitos dan legenda Kedayan yang tersimpan dalam khazanah pemikiran generasi tua Kedayan. Ujarnya Usaha pendokumentasian harus segera dilakukan sebelum generasi tua pewaris sastera rakyat meninggal dunia.

Seorang lagi pemerhati seni kreatif, Ismail Ruzmi yang meneliti cerita jenaka Kedayan berpendapat bahawa masyarakat dahulu mengajar secara tidak langsung menggunakan kiasan atau sindiran. "Ter-dapat lebih sepuluh cerita Si Palui yang dikumpulkan dalam program ini mengandungi unsur sindiran yang mengasuh pemikiran kita agar berfikir sebelum berkata-kata dan jangan mudah cemas, bertindak gopoh dan terburu-buru," katanya.

Secara umumnya kajian sastera rakyat hasil pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS memerlukan perhatian serius daripada agensi kerajaan misalnya Jabatan Pelajaran Negeri Sabah,



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perpustakaan Negeri Sabah. Begitu juga persatuan suku kaum di Sabah seperti Bisaya, Bajau, Bugis, Iranun,

Cocos, Suluk dan lain-lain lagi harus terlibat sama dalam usaha mendokumentasikan serta melestarikan sastera rakyat Sabah.

PAMERAN projek akhir penulisan pelajar UMS di laman bangunan Sekolah Pengajian Seni.